

RM128,450 >>Nilai rampasan produk ada steroid anabolik

HARIAN METRO

Suraya Roslan
dan Amirof Amin Abu Bakar
am@hmetro.com.my

Melaka

Permintaan tinggi terhadap bahan terlarang, steroid anabolik khususnya dalam kalangan golongan 'abang sado' menyebabkan ada pihak mengambil kesempatan mengedarkan produk berkenaan yang tidak berdaftar dan dikhawatiri mengandungi racun.

Produk mengandungi steroid anabolik tidak berdaftar itu mencatatkan jumlah rampasan RM128,450 hasil pemeriksaan sepanjang Op Sado dijalankan Jabatan Kesihatan negeri dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini.

Produk mengandungi bahan terlarang itu mendapat permintaan tinggi di pasaran kerana boleh membantu membina otot badan dalam tempoh singkat menyebabkan ia sering disalahgunakan golongan berkenaan.

Pengarah Jabatan Kesihatan negeri Datuk Dr Ghazali Othman berkata, selain Op Sado, pihaknya turut melancarkan Op Pembantaran Ubat Bangladesh dan Myanmar (PUBM) dengan merampas pelbagai ubat tidak berdaftar bernilai RM540,059.

Beliau berkata, bagi mengekang penjualan dan penggunaan ubat-ubatan dan kosmetik tidak diluluskan Bahagian Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan (KKM), pihaknya mengadakan tiga operasi berasingan iaitu Op Sado, Op PUMB dan Operasi Sekatan



Dr Ghazali (kanan) menunjukkan steroid anabolik yang dirampas ketika Op Sado di Misma Persekutuan, MITC, Ayer Keroh.

KEMARUK SADO

■ **Permintaan tinggi terhadap steroid anabolik tak berdaftar**

Jalan Raya bermula Januari hingga Mac tahun ini.

Menurutnya, keseluruhan jumlah rampasan produk tidak berdaftar, dicampur racun serta kosmetik tidak bernotifikasi hasil tiga operasi dijalankan itu berjumlah RM678,886 membabitkan 390 barangan.

"Ubat-ubatan dan produk berkenaan dirampas ketika pemeriksaan pada kenderaan dan premis perniagaan yang menjualnya secara terbuka walaupun tahu barangan itu tidak mendapat kelulusan KKM.

"Sebahagian besar pembekal dan peniaga warga

asing yang mengimport ubat-ubatan dan produk berkenaan dari luar negara sebelum dipasarkan di negeri ini," katanya, di sini, semalam.

Mengenai rampasan steroid anabolik tidak berdaftar, beliau berkata, pihaknya memandang serius tindakan segelintir pihak membekalkan produk itu ke gimnasium di negeri ini bagi memenuhi permintaan penggiat sukan bina badan.

Beliau berkata, perkara itu tidak boleh dipandang ringan kerana individu yang mengedar dan menjual bahan terlarang itu sebenarnya

tidak mempunyai pengetahuan khusus mengenai produk berkenaan.

"Pengambilan steroid anabolik secara tidak terkawal dikhawatiri membawa kesan buruk kepada individu yang menggunakan produk itu," katanya.

Menurutnya, hasil pemeriksaan turut mengesan penggunaan pelekat hologram palsu pada pembungkus ubat-ubatan dan produk kesihatan berkenaan.

Katanya, kes boleh mengikut Peraturan 7(1)(a), Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 dan Akta Jualan Dadah 1952.